



2021

PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Majlis Perbandaran Kemaman



mpkemaman

mpkemaman

Majlis Perbandaran Kemaman



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN

PENYATA KEWANGAN

**BAGI TAHUN BERAKHIR
31 DISEMBER 2021**



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
(Ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976)

KANDUNGAN

Perkara	Muka surat
Sijil Ketua Audit Negara	1 - 4
Penyata oleh Majlis	i
Akaun Berkanun	ii
Penyata Kedudukan Kewangan	01
Penyata Prestasi Kewangan	02
Penyata Perubahan Aset Bersih	03
Penyata Aliran Tunai	04
Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar	05
Nota-nota Berkenaan Penyata Kewangan	06 - 44



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan


Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kemaman. Penyata kewangan tersebut merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2021 Majlis Perbandaran Kemaman dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti dinyatakan pada muka surat 1 hingga 43.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Majlis Perbandaran Kemaman pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.



Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Majlis Perbandaran Kemaman dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Perkara Utama Audit

Perkara Utama Audit adalah perkara berdasarkan penilaian profesional saya yang mana ia merupakan perkara signifikan dalam pengauditan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kemaman untuk tahun semasa. Perkara ini telah ditekankan dalam konteks pengauditan penyata kewangan secara keseluruhan, saya tidak memberikan pendapat yang berasingan mengenai Perkara Utama Audit dalam menyatakan pendapat saya.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kemaman bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kemaman tidak meliputi maklumat lain selain daripada penyata kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Ahli Majlis Terhadap Penyata Kewangan

Ahli Majlis bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kemaman yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Ahli Majlis juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kemaman yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kemaman, Ahli Majlis bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Majlis Perbandaran Kemaman untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakan sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kemaman secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan

Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan pernyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. mengenal pasti dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kemaman, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman;
- b. memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Majlis Perbandaran Kemaman;
- c. menilai kesesuaian dasar perakaunan yang digunakan, kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Ahli Majlis;
- d. membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Ahli Majlis dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Majlis Perbandaran Kemaman sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kemaman atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit. Bagaimanapun, peristiwa atau keadaan pada masa hadapan berkemungkinan menyebabkan Majlis Perbandaran Kemaman tidak lagi berupaya meneruskan operasi secara usaha berterusan; dan

- e. menilai persembahan secara keseluruhan, struktur dan kandungan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kemaman, termasuk pendedahannya, dan sama ada penyata kewangan tersebut telah melaporkan asas-asas urus niaga dan peristiwa-peristiwa yang memberikan gambaran saksama.

Ahli Majlis telah dimaklumkan, antaranya mengenai skop dan tempoh pengauditan yang dirancang serta penemuan audit yang signifikan termasuk kelemahan kawalan dalaman yang dikenal pasti semasa pengauditan.

Hal-hal Lain


- a. Seperti yang dinyatakan pada Nota 2 kepada penyata kewangan, Majlis Perbandaran Kemaman telah menerima pakai Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) mulai 1 Januari 2021, dengan tarikh peralihan pada 1 Januari 2020. Piawaian ini diterima pakai secara retrospektif oleh Ahli Majlis terhadap angka perbandingan dalam penyata kewangan ini, termasuk Penyata Kedudukan Kewangan Majlis Perbandaran Kemaman pada 31 Disember 2020 dan 1 Januari 2020 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet dan Amaun Sebenar Majlis Perbandaran Kemaman bagi tahun berakhir pada 31 Disember 2020 dan pendedahan berkaitan. Saya tidak terlibat untuk melaporkan maklumat perbandingan yang dinyatakan semula dan yang tidak diaudit. Tanggungjawab saya sebagai sebahagian daripada pengauditan Penyata Kewangan Majlis Perbandaran Kemaman bagi tahun berakhir 31 Disember 2021, dalam keadaan ini, termasuk mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian yang baki awal pada 1 Januari 2021 tidak mengandungi salah nyata yang boleh memberi kesan ketara terhadap kedudukan kewangan pada 31 Disember 2021 dan prestasi kewangan dan aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Sijil ini dibuat untuk Ahli Majlis, Majlis Perbandaran Kemaman berdasarkan keperluan Akta Kerajaan Tempatan 1976 dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(ZULKIFLI BIN TUNGAL)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KUALA TERENGGANU, TERENGGANU
3 OKTOBER 2022





PENYATAAN OLEH YANG DIPERTUA DAN AHLI MAJLIS
KE ATAS PENYATA KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

Kami, **HAJI AHMAD NAZWAWI BIN HARUN** dan **HAJI JOHAN BIN ISMAIL**, yang merupakan Yang Dipertua dan Ahli Majlis bagi MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat kami, Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar beserta dengan nota-nota di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan kewangan MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN pada 31 Disember 2021 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Ditandatangani bagi pihak Majlis berikut resolusi Majlis

HAJI AHMAD NAZWAWI BIN HARUN
YANG DIPERTUA

HAJI JOHAN BIN ISMAIL
AHLI MAJLIS

Tarikh : **30 MAY 2022**

Tarikh : **30 MAY 2022**

MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
JALAN AIR PUTIH
24000 KEMAMAN
TERENGGANU DARUL IMAN



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
PENYATA KEWANGAN 2021

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA
YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN
MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN

Saya, **CHE KU DAYLAH BINTI CHE KU ABDULLAH** (No. K/P: 731104-11-5048), pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih, Penyata Aliran Tunai dan Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar beserta dengan nota-nota di dalamnya bagi tahun berakhir 31 Disember 2021, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh penama yang tersebut di)
atas, di Kemaman dalam Terengganu)
Darul Iman pada)

30 MAY 2022


CHE KU DAYLAH BINTI CHE KU ABDULLAH

Di hadapan saya,

Pesuruhjaya Sumpah





MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN

(Ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976)

**PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
PADA 31 DISEMBER 2021**

	NOTA	2021 RM	2020 RM	01.01.2020 RM
		Seperti yang dinyatakan semula	Seperti yang dinyatakan semula	Seperti yang dinyatakan semula
ASET SEMASA				
Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima	3	12,917,768	14,962,507	10,704,765
Urusniaga Pertukaran Belum Terima	4	8,936,008	8,369,397	6,477,322
Pelbagai Akaun Belum Terima	5	2,466,080	1,935,999	4,914,697
Simpanan Tetap	6	11,222,538	8,104,879	6,975,321
Baki Tunai dan di Bank	6	22,335,922	12,168,373	7,938,742
		<u>57,878,316</u>	<u>45,541,155</u>	<u>37,010,847</u>
ASET BUKAN SEMASA				
Hartanah, Loji dan Peralatan	7	75,815,093	78,004,403	79,882,493
Hartanah Pelaburan	8	81,753,989	53,785,572	59,149,806
Aset Tak Ketara	9	330,554	532,491	696,139
Kerja Dalam Pelaksanaan	10	1,066,547	1,305,077	1,066,547
Pelaburan		-	990,099	-
		<u>158,966,183</u>	<u>134,617,642</u>	<u>140,794,985</u>
JUMLAH ASET		<u>216,844,499</u>	<u>180,158,797</u>	<u>177,805,832</u>
LIABILITI SEMASA				
Pelbagai Belum Bayar dan Akruan	11	22,457,333	16,510,717	17,105,949
Peruntukan Manfaat Kakitangan	12	103,696	210,767	105,407
Pinjaman Kerajaan Negeri	13	51,414,184	51,512,682	50,651,259
		<u>73,975,213</u>	<u>68,234,166</u>	<u>67,862,615</u>
LIABILITI BUKAN SEMASA				
Peruntukan Manfaat Kakitangan	12	1,135,258	794,201	483,158
Bantuan Dari Kerajaan (Geran Tertunda)	14	30,013,613	32,097,207	31,636,273
Pinjaman Kerajaan Negeri	13	-	-	1,005,484
		<u>31,148,871</u>	<u>32,891,408</u>	<u>33,124,915</u>
JUMLAH LIABILITI		<u>105,124,084</u>	<u>101,125,574</u>	<u>100,987,530</u>
JUMLAH ASET BERSIH		<u>111,720,415</u>	<u>79,033,223</u>	<u>76,818,302</u>
EKUITI / ASET BERSIH				
Kumpulan Wang Hasil		109,520,415	76,833,223	74,618,302
Kumpulan Wang Pinjaman	15	2,200,000	2,200,000	2,200,000
JUMLAH ASET BERSIH		<u>111,720,415</u>	<u>79,033,223</u>	<u>76,818,302</u>

(Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini)



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
PENYATA KEWANGAN 2021

MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
(Ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976)

PENYATA PRESTASI KEWANGAN
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

	NOTA	2021 RM	2020 RM	Seperti yang dinyatakan semula
HASIL				
Urusniaga Bukan Pertukaran	16	67,525,696	71,304,906	
Urusniaga Pertukaran	17	43,444,752	7,457,619	
Pelunasan Pemberian Kerajaan		2,083,595	2,447,291	
JUMLAH HASIL		113,054,043	81,209,816	
PERBELANJAAN				
EMOLUMEN				
Gaji dan Upahan		12,967,747	12,567,422	
Elaun dan Lain-Lain Habuan Wang		3,906,075	3,778,460	
Tabung Pencen dan KWSP		2,198,215	2,148,328	
Elaun Lebihmasa		702,138	789,795	
Lain-Lain Bayaran Balik		201,416	207,907	
		19,975,591	19,491,912	
PERKHIDMATAN DAN BEKALAN				
Perjalanan dan Pengangkutan Orang	18	498,546	504,045	
Perhubungan dan Utiliti	19	2,579,775	3,073,845	
Sewaan	20	286,621	277,824	
Bekalan Bahan-Bahan	21	1,233,695	1,254,879	
Penyelenggaraan dan Pembaikian	22	5,740,778	5,944,400	
Perkhidmatan Ikhtisas dan Hospitaliti	23	34,909,807	34,168,654	
		45,249,222	45,223,647	
PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP				
Kemudahan dan Pembangunan Kemudahan	24	107,607	98,208	
Kempen dan Belanja Kakitangan	25	414,011	459,896	
Sumbangan, Cukai dan Insuran	26	691,774	1,062,143	
Gantian Cuti Rehat		444,753	521,810	
		1,658,145	2,142,057	
PERBELANJAAN LAIN				
Perbelanjaan Pembangunan dan Infrastruktur	27	1,632,015	1,235,878	
Susutnilai	28	11,910,914	11,046,150	
Hapuskira	29	-	500,393	
		13,542,929	12,782,421	
JUMLAH PERBELANJAAN		80,425,887	79,640,037	
LEBIHAN BAGI TAHUN		32,628,156	1,569,779	

(Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini)



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
(Ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976)

**PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

	NOTA	KUMPULAN WANG HASIL RM	KUMPULAN WANG PINJAMAN RM	KUMPULAN WANG MODAL PUSINGAN RM	JUMLAH ASET BERSIH RM
Baki pada 1 Januari 2020 <i>- Seperti dinyatakan dahulu</i>		75,196,867	2,200,000	10,000	77,406,867
Kesan pemakaian MPSAS	2.20	(578,565)	-	(10,000)	(588,565)
Baki pada 1 Januari 2020 <i>- Seperti dinyatakan semula</i>		74,618,302	2,200,000	-	76,818,302
Pelarasan Lebihan bersih bagi tahun	30	645,142 1,569,779	- -	- -	645,142 1,569,779
Baki pada 31 Disember 2020		76,833,223	2,200,000	-	79,033,223
Pelarasan Lebihan bersih bagi tahun	30	59,036 32,628,156	- -	- -	59,036 32,628,156
Baki pada 31 Disember 2021		109,520,415	2,200,000	-	111,720,415

(Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini)



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
PENYATA KEWANGAN 2021

MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
(Ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976)
PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021

NOTA	2021 RM	2020 RM	Seperti yang dinyatakan semula
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI			
Lebihan bersih bagi tahun	32,628,156	1,569,779	
Pelarasan bagi:			
Susutnilai	11,910,914	11,046,150	
Peruntukan manfaat kakitangan	444,753	521,810	
Pelarasan dan hapuskira	-	500,393	
Hasil faedah dan keuntungan pelaburan	(37,307,242)	(276,160)	
Pelunasan geran	(2,083,595)	(2,447,291)	
Tunai daripada operasi	5,592,986	10,914,681	
Kurangan/(Tambah) dalam belum terima	948,047	(3,027,058)	
Tambah/(Kurangan) dalam belum bayar	5,911,390	(600,671)	
Pembayaran manfaat kakitangan	(210,767)	(105,407)	
Tunai bersih dihasilkan dari aktiviti operasi	<u>12,241,656</u>	<u>7,181,545</u>	
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN			
Pertambahan harta tanah, loji dan peralatan	(277,250)	(731,946)	
Pertambahan kerja dalam pelaksanaan	(91,975)	(238,530)	
Pengurangan/(Pertambahan) dalam pelaburan	990,099	(990,099)	
Faedah dan keuntungan pelaburan diterima	485,942	276,160	
Tunai bersih dihasilkan dari/(digunakan dalam) aktiviti pelaburan	<u>1,106,816</u>	<u>(1,684,415)</u>	
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN			
Pemberian pinjaman kepada kakitangan	(467,910)	(420,068)	
Bayaran balik pinjaman daripada kakitangan	503,144	426,188	
Pembayaran pinjaman kepada Kerajaan Negeri	(98,498)	(144,061)	
Tunai bersih digunakan dalam aktiviti kewangan	<u>(63,264)</u>	<u>(137,941)</u>	
Lebihan dalam tunai dan kesetaraan tunai	13,285,208	5,359,189	
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	<u>20,273,252</u>	<u>14,914,063</u>	
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	<u>33,558,460</u>	<u>20,273,252</u>	

Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada amaun dalam penyata kedudukan kewangan:

	2021 RM	2020 RM
Simpanan tetap	11,222,538	8,104,879
Baki tunai	8,800	8,800
Baki di bank	<u>22,327,122</u>	<u>12,159,573</u>
	<u>33,558,460</u>	<u>20,273,252</u>

(Nota-nota yang disertakan merupakan sebahagian asasi penyata kewangan ini)



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
(Ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976)

**PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN SEBENAR
BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2021**

	Asal RM	Akhir RM	Sebenar RM	Varian* RM
PENERIMAAN				
Urusniaga Bukan Pertukaran	66,935,000	67,715,000	71,342,251	(3,627,251)
Urusniaga Pertukaran	7,465,000	7,465,000	5,795,516	1,669,484
Lain-lain Terimaan				-
	74,400,000	75,180,000	77,137,767	(1,957,767)
PEMBAYARAN				
Emolumen	22,744,800	22,744,800	20,418,892	2,325,908
Perkhidmatan dan Bekalan	46,164,200	46,944,200	43,738,692	3,205,508
Pemilikan Harta Modal	3,666,500	3,714,500	2,911,929	802,571
Pemberian dan Kenaan Belanja Tetap	791,500	593,500	414,011	179,489
Perbelanjaan Lain	1,033,000	1,183,000	685,118	497,882
	74,400,000	75,180,000	68,168,642	7,011,358
PENERIMAAN BERSIH	-	-	8,969,125	(8,969,125)

* Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
(Ditubuhkan di bawah Akta Kerajaan Tempatan, 1976)

NOTA-NOTA BERKENAAN PENYATA KEWANGAN - 31 DISEMBER 2021

1. MAKLUMAT AM

Majlis Daerah Kemaman ditubuhkan pada 1 Januari 1981 dan dinaiktaraf kepada Majlis Perbandaran Kemaman pada 1 Januari 2002.

Kegiatan-kegiatan utama Majlis adalah menyediakan perkhidmatan dan kemudahan prasarana serta memelihara keselamatan awam, mengadakan perancangan dan pembangunan tempatan yang tersusun dan seimbang serta melaksanakan program pentadbiran, ekonomi dan sosial bagi kawasan Majlis Perbandaran Kemaman.

Tidak terdapat sebarang perubahan penting dalam kegiatan-kegiatan utama Majlis pada tahun kewangan ini.

Jumlah kakitangan Majlis pada akhir tahun kewangan adalah 454 (2020: 463) orang.

Penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2021 telah dibentang dan diluluskan oleh Mesyuarat Majlis pada **29 Mei 2022**.

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

2.1. Asas Penyediaan Penyata Kewangan

- 2.1.1. Penyata Kewangan Majlis disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain yang dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan 1 Pekeliling Perpendaharaan.
- 2.1.2. Penyata Kewangan ini merupakan penyata kewangan peralihan pertama yang disediakan menggunakan MPSAS. Majlis telah memilih peruntukan dan pengecualian berhubung dengan pengiktirafan aset infrastruktur seperti yang dinyatakan pada nota 2.20 kepada Penyata Kewangan. Sebelum ini penyata kewangan Majlis telah disediakan menggunakan Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian Malaysia (MPERS).
- 2.1.3. Penyediaan Penyata Kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.



2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (*sambungan*)

2.1. Asas Penyediaan Penyata Kewangan (*sambungan*)

Sekiranya pertimbangan ini memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam Penyata Kewangan, ia hendaklah didedahkan dalam Nota 2.19. kepada Penyata Kewangan.

2.2. Pemakaian MPSAS

Majlis telah memilih untuk menerima piawaian MPSAS bermula pada 1 Januari 2021. Piawaian MPSAS yang diterimakan adalah:

MPSAS 1	Persembahan Penyata Kewangan
MPSAS 2	Penyata Aliran Tunai
MPSAS 3	Polisi Perakaunan, Perubahan Dalam Anggaran Perakaunan dan Kesilapan
MPSAS 5	Kos Pinjaman
MPSAS 9	Hasil Daripada Urusniaga Pertukaran
MPSAS 13	Pajakan
MPSAS 14	Peristiwa Selepas Tarikh Pelaporan
MPSAS 16	Hartanah Pelaburan
MPSAS 17	Hartanah, Loji dan Peralatan
MPSAS 19	Peruntukan, Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka
MPSAS 20	Pendedahan Pihak Berkaitan
MPSAS 21	Penjejasan Nilai Aset Bukan Penjanaan Tunai
MPSAS 22	Pendedahan Maklumat Kewangan
MPSAS 23	Hasil Daripada Urusniaga Bukan Pertukaran (Cukai dan Pindahan)
MPSAS 24	Persembahan Maklumat Bajet Dalam Penyata Kewangan
MPSAS 25	Manfaat Pekerja
MPSAS 26	Penjejasan Nilai Aset Penjanaan Tunai
MPSAS 28	Instrumen Kewangan: Persembahan
MPSAS 29	Instrumen Kewangan: Pengiktirafan dan Pengukuran
MPSAS 30	Instrumen Kewangan: Pendedahan
MPSAS 31	Aset Tak Ketara
MPSAS 33	Pemakaian Kali Pertama Asas Akruan MPSASs

2.3. Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

2.3.1. Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urusniaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urusniaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.



2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (*sambungan*)

2.3 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan (*sambungan*)

2.3.1. Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran (*sambungan*)

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Cukai Taksiran

Cukai taksiran adalah hasil cukai yang dikenakan keatas pegangan harta berkadar yang terletak di dalam kawasan Majlis. Cukai taksiran diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan semasa bil cukai semasa dikeluarkan iaitu pada setiap 1 Januari dan 1 Julai.

(ii) Sumbangan Membantu Kadar

Sumbangan Membantu Kadar adalah hasil cukai tak langsung yang dikenakan ke atas pegangan harta berkadar bagi agensi-agensi Kerajaan dan Badan Berkanun yang terletak di dalam kawasan Majlis. Sumbangan Membantu Kadar diiktiraf sebagai hasil dalam Penyata Prestasi Kewangan apabila ia diterima.

(iii) Lesen, Bayaran Pendaftaran dan Permit

Majlis merekodkan semua bayaran yang dikenakan berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan. Lain termasuk lesen perniagaan, permit sementara, iklan dan lain-lain.

(iv) Denda dan Hukuman

Denda dan hukuman merupakan bayaran denda, sitaan dan hukuman lain yang dikenakan kerana melanggar undang-undang atau kerana kegagalan memenuhi tanggungan kontrak sama ada berkaitan dengan spesifikasi atau masa termasuk denda cukai taksiran, waran, kos guaman, kompaun dan lain-lain kos penguatkuasaan.

Hasil bagi denda dan hukuman yang lain diiktiraf setelah Majlis menerima bayaran kerana berdasarkan pengalaman dan ketidakpastian dalam membuat kutipan ke atas hasil denda dan hukuman.

(v) Geran Kerajaan

Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat prestasi masa depan yang tertentu seperti geran keseimbangan diambilkira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran kerajaan yang dikenakan syarat prestasi masa depan tertentu seperti geran pembangunan diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

2.3.2 Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Hasil daripada urusniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.



2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (*sambungan*)

2.3 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan (*sambungan*)

2.3.2 Hasil daripada Urusniaga Pertukaran (*sambungan*)

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut:

(i) Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan

Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan ini melibatkan semua terimaan berkenaan dengan perkhidmatan yang diberi oleh Majlis termasuk perkhidmatan tempat letak kereta, pelan perancangan, pelan infrastruktur, pelan bangunan dan lain-lain perkhidmatan.

(ii) Perolehan daripada Jualan Barang

Perolehan daripada Jualan Barang merupakan terimaan daripada jualan borang sebut harga dan tender serta jualan harta benda fizikal dan lain-lain.

(iii) Sewaan

Hasil sewa dikenakan ke atas premis-premis Majlis mengikut syarat perjanjian penyewaan.

(iv) Faedah Diterima

Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadarannya yang mengambil kira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif keatas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

(v) Lain-lain terimaan adalah terimaan selain daripada nota 2.3.2 (i) hingga (iv) di atas. Ianya diiktiraf selepas perkhidmatan diberikan.

2.4. Hartanah, Loji dan Peralatan

2.4.1. Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM2,000.00 setiap satu.

2.4.2. Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai dan rosotnilai terkumpul (jika ada). Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan.

2.4.3. Jika sesuatu aset diperoleh melalui urus niaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, dimana ia perlu diiktiraf didalam liabiliti semasa.



2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (*sambungan*)

2.4. Hartanah, Loji dan Peralatan (*sambungan*)

- 2.4.4. Nilai dibawa item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset dimana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian didalam penyata prestasi kewangan.

2.5. Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan

- 2.5.1. Susutnilai dikira mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos aset tersebut sepanjang anggaran hayat berguna aset-aset berkenaan. Susutnilai tanah pula dikira mengikut tempoh pajakan.
- 2.5.2. Kadar susutnilai tahunan hartanah, loji dan peralatan telah diperuntukkan dengan ansuran yang sama sepanjang jangka masa kegunaan pada kadar tahunan seperti berikut :

<u>Hartanah, loji dan peralatan</u>	<u>Kadar tahunan</u>
Tanah	Mengikut tempoh pajakan
Bangunan	5 – 10%
Kenderaan bermotor	10%
Perabut dan kelengkapan	20% - 33.4%

- 2.5.3. Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

2.6. Hartanah Pelaburan

- 2.6.1. Hartanah Pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa.
- 2.6.2. Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperolehi melalui urusniaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.
- 2.6.3. Susulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susut nilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul (jika ada).



2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (*sambungan*)

2.6. Hartanah Pelaburan (sambungan)

- 2.6.4. Susut nilai harta tanah pelaburan dikira menggunakan asas garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut. Hartanah pelaburan berkaitan tanah pegangan bebas tidak disusutkan nilai, tetapi tanah pajakan dilunaskan mengikut tempoh pajakan. Caj susut nilai akan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.
- 2.6.5. Untung atau rugi akibat pelupusan harta tanah pelaburan diiktiraf pada amaun bersih dalam Penyata Prestasi Kewangan.

2.7. Aset Tak Ketara

- 2.7.1. Aset tak ketara diiktiraf apabila ia terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada Majlis dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.
- 2.7.2. Aset tak ketara diambil alih secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urus niaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman kecuali perbelanjaan pembangunan diiktiraf sebagai perbelanjaan.
- 2.7.3. Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai sama ada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosot nilai jika terdapat sebarang petunjuk.
- 2.7.4. Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan kaedah pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu.
- 2.7.5. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset dimana perbezaannya akan diambil kira sebagai keuntungan atau kerugian didalam penyata prestasi kewangan.

2.8. Kerja Dalam Kemajuan

Kerja dalam kemajuan adalah bagi kerja-kerja pembinaan harta tanah, loji dan peralatan serta perisian komputer dalam pelaksanaan yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos bagi pembinaan harta tanah, loji dan peralatan akan dipermodalkan sebagai harta tanah, loji dan peralatan mengikut tarikh Sijil Perakuan Siap (Certificate Of Practical Completion) dikeluarkan dan dilunaskan. Bagi kos perisian komputer pula ia akan dipermodalkan apabila perisian tersebut sedia untuk digunakan dan dilunaskan.



2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (*sambungan*)

2.9. Aset Kewangan

- 2.9.1. Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.
- 2.9.2. Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung didalam mengisu aset kewangan.
- 2.9.3. Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman atau belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.
- 2.9.4. Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen didalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh dimana Majlis membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.
- 2.9.5. Majlis hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut :
 - (i) Pinjaman dan Belum Terima
Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskau atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan.
 - (ii) Pelaburan Dipegang Hingga Matang
Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Majlis mempunyai nilai positif dan keupayaan memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, dipegang hingga matang pelaburan diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskau atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.



2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (*sambungan*)

2.9. Aset Kewangan (*sambungan*)

(iii) Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Majlis akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk :

- (i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
- (ii) pembayaran tertunggak;
- (iii) kemungkinan bahawa peminjam akan muflis; atau
- (iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan didalam anggaran aliran tunai

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam Majlis yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan diantara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elauan. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang aman kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elauan. Pembalikan ini diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dengan serta-merta.

(iv) Penyahiktirafan Aset Kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau diselesaikan serta Majlis telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan diantara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima diiktiraf dalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.10. Peruntukan dan Liabiliti

2.10.1. Peruntukan diiktiraf apabila Majlis mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila Majlis menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam penyata prestasi kewangan daripada sebarang pembayaran balik.



2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (*sambungan*)

2.11. Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

2.11.1. Liabiliti luar jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur secara pasti. Liabiliti luar jangka tidak diiktiraf tetapi didedahkan dalam penyata kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan Majlis keseluruhan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

2.11.2. Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa yang tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh Majlis. Majlis tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam penyata kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya dimana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

2.12. Liabiliti Kewangan

2.12.1. Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Majlis menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

2.12.2. Pada pengiktiran awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.

2.12.3. Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.

2.12.4. Majlis mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut :

(i) Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam lebihan atau kurangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukkan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskau anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.



2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (*sambungan*)

2.12. Liabiliti Kewangan (sambungan)

(ii) Penyahiktirafan Liabiliti Kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan diantara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf didalam lebihan atau kurangan dalam tempoh penyahiktirafan.

2.13. Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan dan Lain-Lain

Kumpulan wang pinjaman kenderaan dan lain-lain merupakan jumlah wang yang dipindahkan daripada Kumpulan Wang Mengurus bagi tujuan membiayai pinjaman Kenderaan dan Pinjaman Komputer.

2.14. Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang dua belas bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaan tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

2.15. Manfaat Pekerja

2.15.1. Manfaat kakitangan jangka pendek

Majlis sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan perjawatan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Manfaat pekerja jangka pendek yang digariskan oleh JPA adalah gaji pokok, elaun tetap, elaun berubah, pelbagai cuti termasuk cuti tahunan, kemudahan rawatan perubatan dan peralatan yang diluluskan oleh Kementerian Kesihatan dan kemudahan pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer.

Manfaat kakitangan jangka pendek termasuk gaji, upah, bonus, elaun, caruman keselamatan sosial dikira sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh kakitangan.

2.15.2 Manfaat selepas perkhidmatan

(i) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(ii) Kumpulan Wang Persaraan

Majlis mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi kakitangan yang telah diberi taraf berpencen pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut di caj ke dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.



2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (*sambungan*)

2.15. Manfaat Pekerja (*sambungan*)

2.15.2 Manfaat selepas perkhidmatan (*sambungan*)

(iii) Manfaat Cuti Rehat dan Ganjaran Kakitangan Kontrak

Kakitangan tetap Majlis akan mendapat ganjaran cuti rehat (GCR) apabila tiba umur persaraan mereka. Ganjaran ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam dan digunakan oleh Majlis.

Peruntukan ganjaran cuti rehat bagi kakitangan diiktiraf secara akruan dengan andaian seseorang kakitangan mengumpulkan cuti tahunan sehingga mencapai tahap maksimum 150 hari semasa kakitangan bersara. Kadar gaji semasa digunakan untuk mengira amaun yang diakrukan tersebut.

Ganjaran cuti rehat yang dibayar selepas persaraan akan dikenakan kepada peruntukan manfaat kakitangan. Ganjaran cuti rehat bagi kakitangan kontrak dicajkan kepada penyata prestasi kewangan pada tahun ganjaran tersebut dibayar.

2.16. Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan

2.16.1. Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Majlis mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi diantara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Didalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urus niaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya, melainkan aset tersebut dibawa pada jumlah penilaian semula. Sebarang kerugian kemerosotan aset yang dinilai semula akan dikurangkan setakat lebihan penilaian semula yang masih belum digunakan bagi aset yang sama.



2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (*sambungan*)

2.16 Rosot Nilai Aset Bukan Kewangan (*sambungan*)

2.16.2. Aset Penjanaan Bukan Tunai

Majlis akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Majlis akan membuat anggaran keatas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi diantara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Majlis telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Dibawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah loput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Majlis menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosotnilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Majlis menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susut nilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut pada tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.



2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (*sambungan*)

2.17. Percukaian

Cukai pendapatan tidak diperuntukkan di dalam akaun oleh kerana Majlis ini adalah dikecualikan dari Cukai Pendapatan di bawah Seksyen 127 (Jadual 6) Akta Cukai Pendapatan 1967.

2.18. Maklumat Bajet

2.18.1. Bajet tahunan disediakan pada asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akruan, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar didedahkan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

2.18.2. Jumlah bajet ini telah dibentangkan didalam Mesyuarat Khas Belanjawan Majlis Perbandaran Kemaman dan telah diluluskan oleh Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Terengganu.

2.19. Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

2.19.1. Pertimbangan Perakaunan Kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain daripada anggaran yang terlibat seperti di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf didalam penyata kewangan.

2.19.2. Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti didalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut :

(i) Kerugian Hutang Ragu bagi Belum Terima

Majlis menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat sebarang bukti objektif hutang ragu, Majlis menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti potensi hutang tak mampu dibayar, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

(ii) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartaanah, loji dan peralatan disusut nilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Majlis menganggarkan jangka hayat hartaanah, loji dan peralatan dalam tempoh 5 hingga 99 tahun. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susut nilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.



2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (*sambungan*)

2.19. Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran (*sambungan*)

2.19.2. Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran (*sambungan*)

(iii) Penentuan Hartanah Pelaburan

Sebahagian daripada hartanah Majlis adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya. Sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu harta itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka Majlis akan mengategorikan bahagian tersebut sebagai harta pelaburan. Manakala jika sesuatu bahagian harta itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai harta pelaburan jika sebahagian harta yang lain dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

(iv) Pengukuran Peruntukan

Majlis sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

2.20. Kesan Pemakaian MPSAS

2.20.1. Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan pertama Majlis yang dibentangkan menggunakan rangka kerja perakaunan MPSAS. Dasar perakaunan yang digunakan di dalam menyediakan penyata kewangan ini adalah selaras dengan dasar yang telah digunakan di dalam tahun kewangan sebelum ini selain daripada dasar perakaunan yang dinyatakan berikut:

(i) Aset Infrastruktur

Majlis memiliki aset infrastruktur iaitu jalan raya, longkang, pondok bas dan lain-lain yang tidak dipermodalkan didalam penyata kewangan. Didalam tahun kewangan sebelum ini, semua kos yang terlibat bagi aset infrastruktur telah diiktiraf sebagai belanja di dalam penyata prestasi kewangan. MPSAS menghendaki aset-aset ini dipermodalkan. Majlis memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset infrastruktur ini bagi tempoh tiga tahun bermula daripada tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi didalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung aset infrastrukturnya.



2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (*sambungan*)

2.20. Kesan Pemakaian MPSAS (*sambungan*)

(ii) Aset Hidup

Majlis memiliki aset hidup iaitu haiwan yang tidak dipermodalkan didalam penyata kewangan. Didalam tahun kewangan sebelum ini, semua kos terlibat bagi aset hidup telah diiktiraf sebagai belanja di dalam penyata prestasi kewangan. MPSAS menghendaki aset-aset ini dipermodalkan. Majlis memilih peruntukan dan pengecualian bagi pengiktirafan aset hidup ini bagi tempoh tiga tahun bermula dari tarikh menerima pakai MPSAS atau sehingga aset tersebut diiktiraf dan diukur (mana yang terdahulu). Ini disebabkan Majlis masih lagi didalam proses untuk menyelenggara maklumat berhubung aset hidupnya.

(iii) Peruntukan Manfaat Kakitangan

MPSAS 25 Manfaat Pekerja menghendaki entiti mengiktiraf semua manfaat yang diberikan- kepada kakitangan. Memandangkan Majlis mempunyai obligasi untuk membayar Gantian Cuti Rehat kepada kakitangan apabila mereka bersara kelak, maka Majlis telah membuat peruntukan tersebut di dalam Penyata Kewangan ini.

2.20.2. Peruntukan dan Pengecualian yang tidak memberi kesan ketara keatas penyata kewangan

(i) Penilaian semula harta tanah sebagai kos anggapan (deemed cost)

Majlis telah menggunakan peruntukan dan pengecualian peralihan buat pertama kali bagi menilai semula harta tanah-hartahannya yang tidak mempunyai maklumat kos yang diyakini. Nilai saksama ini telah digunakan sebagai kos anggapan pada tarikh pemakaian MPSAS.

(ii) Aset dan liabiliti kewangan yang telah dinyahiktiraf

Majlis tidak akan mengiktiraf semula mana-mana aset atau liabiliti kewangannya yang telah dinyahiktiraf sebelum ini menggunakan rangka kerja perakaunan terdahulu ketika menggunakan rangka kerja MPSAS. Jika sesuatu aset atau liabiliti kewangan yang mungkin akan dinyahiktiraf dibawah MPERS, maka Majlis memilih untuk terus mengiktiraf aset dan liabiliti kewangan tersebut sehingga ia dilupuskan atau diselesaikan.

(iii) Anggaran perakaunan

Sebelum ini, Majlis menggunakan pertimbangan untuk menentukan elauan bagi hutang ragu dan hutang lapuk. Peruntukan tertentu akan dibuat apabila Majlis menilai sesuatu hutang itu tidak boleh dikutip manakala peruntukan am akan dibuat untuk lain-lain hutang. Selepas menggunakan MPSAS, penilaian keatas kemerosotan aset kewangan dibuat berdasarkan kepada peristiwa kerugian yang telah berlaku (*incurred loss model*) dimana kemerosotan diiktiraf berdasarkan bukti objektif yang wujud. Walau bagaimanapun, jumlah peruntukan hutang ragu pada tarikh peralihan tidak diselaraskan secara retrospektif pada tarikh tersebut.



2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (*sambungan*)

2.20. Kesan Pemakaian MPSAS (*sambungan*)

2.20.3. Kesan pemakaian MPSAS ke atas penyata kewangan Majlis selepas mengambilkira penggunaan pengecualian dan pertukaran dasar perakaunan adalah seperti berikut:

(a) Kesan ke atas penyata kedudukan kewangan pada 1 Januari 2020:

	MPERS	Kesan MPSAS	MPSAS
	RM	RM	RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, Loji dan Peralatan	79,882,493	-	79,882,493
Hartanah Pelaburan	59,149,806	-	59,149,806
Aset Tak Ketara	696,139	-	696,139
Kerja Dalam Pelaksanaan	1,066,547	-	1,066,547
Pelaburan	-	-	-
	<u>140,794,985</u>	<u>-</u>	<u>140,794,985</u>
ASET SEMASA			
Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima	-	10,704,765	10,704,765
Urusniaga Pertukaran Belum Terima	-	6,477,322	6,477,322
Pelbagai Akaun Belum Terima	-	4,914,697	4,914,697
Akaun Belum Terima	17,182,087	(17,182,087)	-
Pinjaman Kepada Kakitangan	1,850,089	(1,850,089)	-
Pendahuluan Diri dan Deposit	64,732	(64,732)	-
Lain-lain Belum Terima	1,381,500	(1,381,500)	-
Cukai Input	1,618,376	(1,618,376)	-
Simpanan Tetap	6,975,321	-	6,975,321
Baki Tunai dan di Bank	7,938,742	-	7,938,742
	<u>37,010,847</u>	<u>-</u>	<u>37,010,847</u>
JUMLAH ASET	177,805,832	-	177,805,832
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Peruntukan Manfaat Kakitangan	-	483,158	483,158
Bantuan Dari Kerajaan (Geran Tertunda)	31,636,273	-	31,636,273
Pinjaman Kerajaan Negeri	1,005,484	-	1,005,484
	<u>32,641,757</u>	<u>483,158</u>	<u>33,124,915</u>
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Belanja Terakru:			
Akaun Belum Bayar	718,967	-	718,967
Pelbagai Belum Bayar dan Akruan	11,081,473	-	11,081,473
Wang Amanah	5,305,509	-	5,305,509
Peruntukan Manfaat Kakitangan	-	105,407	105,407
Pinjaman Kerajaan Negeri	50,651,259	-	50,651,259
	<u>67,757,208</u>	<u>105,407</u>	<u>67,862,615</u>
JUMLAH LIABILITI	100,398,965	588,565	100,987,530
ASET BERSIH	77,406,867	(588,565)	76,818,302



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
PENYATA KEWANGAN 2021

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (*sambungan*)

2.20. Kesan Pemakaian MPSAS (*sambungan*)

(a) Kesan ke atas penyata kedudukan kewangan pada 1 Januari 2020 (*sambungan*)

	MPERS RM	Kesan MPSAS RM	MPSAS RM
EKUITI / ASET BERSIH			
Kumpulan Wang Hasil	75,196,867	(578,565)	74,618,302
Kumpulan Wang Pinjaman			
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	1,900,000	-	1,900,000
Kumpulan Wang Pinjaman Komputer	150,000	-	150,000
Kumpulan Wang Pendahuluan Diri	150,000	-	150,000
Kumpulan Wang Modal Pusingan	10,000	(10,000)	-
	<u>77,406,867</u>	<u>(588,565)</u>	<u>76,818,302</u>

(b) Kesan ke atas penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2020

	MPERS RM	Kesan MPSAS RM	MPSAS RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, Loji dan Peralatan	78,004,403	-	78,004,403
Hartanah Pelaburan	53,785,572	-	53,785,572
Aset Tak Ketara	532,491	-	532,491
Kerja Dalam Pelaksanaan	1,305,077	-	1,305,077
Pelaburan	990,099	-	990,099
	<u>134,617,642</u>	<u>-</u>	<u>134,617,642</u>
ASET SEMASA			
Urusniaga Bukan Pertukaran Belum Terima	-	14,962,507	14,962,507
Urusniaga Pertukaran Belum Terima	-	8,369,397	8,369,397
Pelbagai Akaun Belum Terima	-	1,935,999	1,935,999
Akaun Belum Terima	23,331,904	(23,331,904)	-
Pinjaman Kepada Kakitangan	1,843,969	(1,843,969)	-
Pendahuluan Diri dan Deposit	17,231	(17,231)	-
Lain-lain Belum Terima	74,799	(74,799)	-
Simpanan Tetap	8,104,879	-	8,104,879
Baki Tunai dan di Bank	12,168,373	-	12,168,373
	<u>45,541,155</u>	<u>-</u>	<u>45,541,155</u>
JUMLAH ASET	<u>180,158,797</u>	<u>-</u>	<u>180,158,797</u>



2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (*sambungan*)

2.20. Kesan Pemakaian MPSAS (*sambungan*)

(b) Kesan ke atas penyata kedudukan kewangan pada 31 Disember 2020 (*sambungan*)

	MPERS RM	Kesan MPSAS RM	MPSAS RM
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Peruntukan Manfaat Kakitangan	-	794,201	794,201
Bantuan Dari Kerajaan (Geran Tertunda)	32,097,207	-	32,097,207
Pinjaman Kerajaan Negeri	-	-	-
	<u>32,097,207</u>	<u>794,201</u>	<u>32,891,408</u>
LIABILITI SEMASA			
Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Belanja Terakru:			
Akaun Belum Bayar	1,254,120	-	1,254,120
Pelbagai Belum Bayar dan Akruan	11,505,654	-	11,505,654
Wang Amanah	3,750,943	-	3,750,943
Peruntukan Manfaat Kakitangan	-	210,767	210,767
Pinjaman Kerajaan Negeri	51,512,682	-	51,512,682
	<u>68,023,399</u>	<u>210,767</u>	<u>68,234,166</u>
JUMLAH LIABILITI	<u>100,120,606</u>	<u>1,004,968</u>	<u>101,125,574</u>
ASET BERSIH	<u>80,038,191</u>	<u>(1,004,968)</u>	<u>79,033,223</u>
EKUITI / ASET BERSIH			
Kumpulan Wang Hasil	77,828,191	(994,968)	76,833,223
Kumpulan Wang Pinjaman			
Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	1,900,000	-	1,900,000
Kumpulan Wang Pinjaman Komputer	150,000	-	150,000
Kumpulan Wang Pendahuluan Diri	150,000	-	150,000
Kumpulan Wang Modal Pusingan	10,000	(10,000)	-
	<u>80,038,191</u>	<u>(1,004,968)</u>	<u>79,033,223</u>



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
PENYATA KEWANGAN 2021

2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (*sambungan*)

2.20. Kesan Pemakaian MPSAS (*sambungan*)

(c) Kesan ke atas penyata prestasi kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020

	MPERS	Kesan MPSAS	MPSAS
	RM	RM	RM
HASIL			
Urusniaga Bukan Pertukaran	-	71,304,906	71,304,906
Urusniaga Pertukaran	-	7,457,619	7,457,619
Cukai Langsung	62,035,077	(62,035,077)	-
Lesen dan Permit	2,474,757	(2,474,757)	-
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	2,760,452	(2,760,452)	-
Perolehan Daripada Jualan Barang	176,833	(176,833)	-
Sewaan	4,244,174	(4,244,174)	-
Faedah & Perolehan Daripada Pelaburan	276,160	(276,160)	-
Denda dan Hukuman	1,039,599	(1,039,599)	-
Terimaan Daripada Kerajaan	3,457,075	(3,457,075)	-
Pelunasan Pemberian Kerajaan	2,447,291	-	2,447,291
Lain-Lain Pendapatan	2,298,398	(2,298,398)	-
JUMLAH HASIL	81,209,816	-	81,209,816
PERBELANJAAN			
<u>EMOLUMEN</u>			
Gaji dan Upahan	12,672,829	(105,407)	12,567,422
Elaun dan Lain-Lain Habuan Wang	3,778,460	-	3,778,460
Tabung Pencen dan KWSP	2,148,328	-	2,148,328
Elaun Lebihmasa	789,795	-	789,795
Lain-Lain Bayaran Balik	207,907	-	207,907
	19,597,319	(105,407)	19,491,912
<u>PERKHIDMATAN DAN BEKALAN</u>			
Bayaran Juruaudit	14,306	(14,306)	-
Perjalanan dan Pengangkutan Orang	504,045	-	504,045
Perhubungan dan Utiliti	3,073,845	-	3,073,845
Sewaan	277,824	-	277,824
Bekalan Bahan-Bahan	1,254,879	-	1,254,879
Penyelenggaraan dan Pembaikian	5,944,400	-	5,944,400
Perkhidmatan Ikhtisas dan Lain-Lain			
Perkhidmatan Yang Dibeli dan Hospitaliti	34,154,348	14,306	34,168,654
	45,223,647	-	45,223,647



2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (*sambungan*)

2.20. Kesan Pemakaian MPSAS (*sambungan*)

(c) Kesan ke atas penyata prestasi kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2020 (*sambungan*)

	MPERS RM	Kesan MPSAS RM	MPSAS RM
PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP			
Kemudahan dan Pembangunan Kemudahan			
Kempen dan belanja kakitangan	98,208	-	98,208
Sumbangan, Cukai dan Insuran	459,896	-	459,896
Gantian Cuti Rehat	1,062,143	-	1,062,143
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	-	521,810	521,810
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	1,620,247	521,810	2,142,057
 PERBELANJAAN LAIN			
Perbelanjaan Pembangunan/Infrastruktur	1,235,878	-	1,235,878
Susutnilai	11,046,150	-	11,046,150
Hapuskira	500,393	-	500,393
Peruntukan Hutang Ragu	-	-	-
	<hr/>	<hr/>	<hr/>
	12,782,421	-	12,782,421
 JUMLAH PERBELANJAAN	 <hr/>	 <hr/>	 <hr/>
	79,223,634	416,403	79,640,037
 LEBIHAN BAGI TAHUN	 <hr/>	 <hr/>	 <hr/>
	1,986,182	(416,403)	1,569,779

2.21. Mengkontra Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya dikontra jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan untuk menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

2.22. Pihak Berkaitan

Majlis menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Majlis, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada Ahli-ahli Majlis.



2. DASAR-DASAR PERAKAUNAN (*sambungan*)

2.23. Pajakan

2.23.1. Pajakan kewangan

Pajakan harta tanah, loji dan peralatan adalah dikelaskan sebagai pajakan kewangan di mana sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset, tetapi bukan pemilikan yang sah disisi undang-undang, dipindahkan kepada Majlis.

Majlis pada awalnya mengiktiraf hak penggunaan dan obligasinya dibawah pajakan kewangan sebagai aset dan liabiliti dalam penyata kedudukan kewangan pada amanah yang sama dengan nilai saksama aset yang dipajak atau, jika yang lebih rendah, nilai semasa bayaran pajakan minimum, ditentukan pada permulaan pajakan. Sebarang kos langsung awal ditambah kepada amanah yang diiktiraf sebagai aset.

Bayaran pajakan minimum adalah dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti tertunggak dengan menggunakan kaedah faedah efektif. Caj kewangan adalah diperuntukkan pada setiap tempoh sepanjang tempoh pajakan untuk menghasilkan kadar faedah tempoh yang tetap keatas baki liabiliti. Sewa luar jangka dikenakan sebagai perbelanjaan dalam tempoh dimana ia dilibatkan.

Dasar susutnilai bagi aset pajakan yang boleh disusutnilai adalah konsisten dengan aset yang boleh disusutnilai yang dimiliki. Jika tiada kepastian yang munasabah bahawa Majlis akan mendapat pemilikan menjelang akhir tempoh pajakan, aset pajakan disusutnilai sepenuhnya dalam jangka pajakan dan hayat bergunanya, yang mana lebih singkat. Pada setiap tarikh pelaporan, Majlis menilai sama ada aset pajakan dibawah pajakan kewangan telah dirosotnilai.

2.23.2. Pajakan operasi

Pajakan dikelaskan sebagai pajakan operasi jika ia tidak memindah sebahagian besar semua risiko dan manfaat bersampingan dengan pemilikan aset. Pembayaran pajakan dibawah pajakan operasi adalah diiktiraf sebagai perbelanjaan atas asas garis lurus sepanjang tempoh pajakan.

2.24. Kos Kewangan

Semua kos kewangan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh ia terlibat.



3. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN BELUM TERIMA

	2021 RM	2020 RM	01.01.2020 RM
	Seperti yang dinyatakan semula	Seperti yang dinyatakan semula	Seperti yang dinyatakan semula
Akaun Belum Terima Cukai Taksiran	12,917,768	14,962,507	10,704,765
Tolak: Peruntukan hutang ragu	-	-	-
	<u>12,917,768</u>	<u>14,962,507</u>	<u>10,704,765</u>

4. URUSNIAGA PERTUKARAN BELUM TERIMA

	2021 RM	2020 RM	01.01.2020 RM
	Seperti yang dinyatakan semula	Seperti yang dinyatakan semula	Seperti yang dinyatakan semula
Akaun Belum Terima Sewaan	8,936,008	8,369,397	6,477,322
Tolak: Peruntukan hutang ragu	-	-	-
	<u>8,936,008</u>	<u>8,369,397</u>	<u>6,477,322</u>

5. PELBAGAI AKAUN BELUM TERIMA

	2021 RM	2020 RM	01.01.2020 RM
	Seperti yang dinyatakan semula	Seperti yang dinyatakan semula	Seperti yang dinyatakan semula
Pelbagai akaun belum terima	62,680	67,430	73,930
Tolak: Peruntukan hutang ragu	(38,044)	(38,044)	(38,044)
	<u>24,636</u>	<u>29,386</u>	<u>35,886</u>
Deposit pelbagai	61,609	17,231	64,732
Bayaran elektrik belum terima	70,758	45,413	-
Bayaran cukai rumah kediaman	-	-	1,345,614
Cukai input (GST)	-	-	1,618,376
Faedah terakru	512	-	-
Bayaran bil lampu awam belum terima	499,830	-	-
Pinjaman kenderaan (Nota 15)	1,748,553	1,788,459	1,806,743
Pinjaman komputer (Nota 15)	60,182	55,510	43,346
	<u>2,466,080</u>	<u>1,935,999</u>	<u>4,914,697</u>



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
PENYATA KEWANGAN 2021

6. SIMPANAN TETAP DAN BAKI TUNAI DAN DI BANK

	2021 RM	2020 RM
(i) <u>Simpanan Tetap</u>		
Simpanan Tetap dengan institusi kewangan berlesen	<u>11,222,538</u>	<u>8,104,879</u>
(ii) <u>Baki Tunai dan di Bank</u>		
Tunai	8,800	8,800
Akaun Semasa di bank berlesen	22,271,725	12,115,226
Akaun Simpanan - i	<u>55,397</u>	<u>44,347</u>
	<u>22,335,922</u>	<u>12,168,373</u>

7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

2021	Tanah RM	Bangunan RM	Kenderaan bermotor	Peralatan & Kelengkapan	Jumlah RM
			RM	RM	
Kos/Penilaian					
Pada 1 Januari 2021 <i>(Dinyatakan semula)</i>	18,346,404	115,277,862	14,789,347	9,257,200	157,670,813
Tambahan	-	2,072,805	-	269,250	2,342,055
Pelupusan	-	-	(890,477)	-	(890,477)
Pada 31 Disember 2021	<u>18,346,404</u>	<u>117,350,667</u>	<u>13,898,870</u>	<u>9,526,450</u>	<u>159,122,391</u>
Dinyatakan:					
Pada Kos	18,346,404	115,678,169	13,898,870	9,526,450	157,449,893
Pada Penilaian	-	1,672,498	-	-	1,672,498
	<u>18,346,404</u>	<u>117,350,667</u>	<u>13,898,870</u>	<u>9,526,450</u>	<u>159,122,391</u>
Susutnilai Terkumpul					
Pada 1 Januari 2021 <i>(Dinyatakan semula)</i>	759,237	57,103,963	13,396,057	8,407,153	79,666,410
Tambahan	95,517	3,913,087	301,947	279,843	4,590,394
Pelupusan	-	-	(949,506)	-	(949,506)
Pada 31 Disember 2021	<u>854,754</u>	<u>61,017,050</u>	<u>12,748,498</u>	<u>8,686,996</u>	<u>83,307,298</u>
Dinyatakan:					
Pada Kos	854,754	59,344,552	12,748,498	8,686,996	81,634,800
Pada Penilaian	-	1,672,498	-	-	1,672,498
	<u>854,754</u>	<u>61,017,050</u>	<u>12,748,498</u>	<u>8,686,996</u>	<u>83,307,298</u>
Nilai Buku Bersih	17,491,650	56,333,617	1,150,372	839,454	75,815,093



7. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN (*sambungan*)

2020	Tanah RM	Bangunan RM	Kenderaan bermotor RM	Peralatan & Kelengkapan RM	Jumlah RM
Kos/Penilaian					
Pada 1 Januari 2020 <i>(Dinyatakan semula)</i>	18,346,404	112,102,006	14,545,648	8,994,006	153,988,064
Tambahan	-	3,175,856	243,700	263,194	3,682,750
Pelupusan	-	-	(1)	-	(1)
Pada 31 Disember 2020	18,346,404	115,277,862	14,789,347	9,257,200	157,670,813
Dinyatakan:					
Pada Kos	18,346,404	113,605,364	14,789,347	9,257,200	155,998,315
Pada Penilaian	-	1,672,498	-	-	1,672,498
	18,346,404	115,277,862	14,789,347	9,257,200	157,670,813
Susutnilai Terkumpul					
Pada 1 Januari 2020 <i>(Dinyatakan semula)</i>	663,721	52,242,980	13,052,992	8,145,878	74,105,571
Tambahan	95,516	4,860,983	343,065	261,275	5,560,839
Pada 31 Disember 2020	759,237	57,103,963	13,396,057	8,407,153	79,666,410
Dinyatakan:					
Pada Kos	759,237	55,431,465	13,396,057	8,407,153	77,993,912
Pada Penilaian	-	1,672,498	-	-	1,672,498
	759,237	57,103,963	13,396,057	8,407,153	79,666,410
Nilai Buku Bersih					
Pada 31 Disember <i>(Dinyatakan semula)</i>	17,587,167	58,173,899	1,393,290	850,047	78,004,403
Pada 1 Januari <i>(Dinyatakan semula)</i>	17,682,683	59,859,026	1,492,656	848,128	79,882,493

- (a) Penilaian semula hartaanah dilakukan pada 21.11.1991 berdasarkan harga pasaran hartaanah tersebut. Lebihan yang timbul daripada penilaian semula telah ditunjukkan sebagai Kumpulan Wang Hasil dalam penyata kewangan pada tahun kewangan berakhir pada 31 Disember 1992.



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
PENYATA KEWANGAN 2021

8. HARTANAH PELABURAN

	2021 RM	2020 RM	01.01.2020 RM
		Seperti yang dinyatakan semula	Seperti yang dinyatakan semula
Kos			
Pada 1 Januari	108,474,403	108,474,403	-
Tambahan	35,087,000	-	108,474,403
Pada 31 Disember	<u>143,561,403</u>	<u>108,474,403</u>	<u>108,474,403</u>
Susutnilai Terkumpul			
Pada 1 Januari	54,688,831	49,324,597	-
Tambahan	7,118,583	5,364,234	49,324,597
Pada 31 Disember	<u>61,807,414</u>	<u>54,688,831</u>	<u>49,324,597</u>
Nilai Buku Bersih	<u>81,753,989</u>	<u>53,785,572</u>	<u>59,149,806</u>

9. ASET TAK KETARA

	2021 RM	2020 RM	01.01.2020 RM
		Seperti yang dinyatakan semula	Seperti yang dinyatakan semula
Kos			
Pada 1 Januari	2,234,687	2,047,998	-
Tambahan	-	186,689	2,047,998
Pada 31 Disember	<u>2,234,687</u>	<u>2,234,687</u>	<u>2,047,998</u>
Susutnilai Terkumpul			
Pada 1 Januari	1,702,196	1,351,859	-
Tambahan	201,937	350,337	1,351,859
Pada 31 Disember	<u>1,904,133</u>	<u>1,702,196</u>	<u>1,351,859</u>
Nilai Buku Bersih	<u>330,554</u>	<u>532,491</u>	<u>696,139</u>



10. KERJA DALAM PELAKSANAAN

	2021 RM	2020 RM	Seperti yang dinyatakan semula
Kerja dalam pelaksanaan:			
Baki pada 1 Januari	1,305,077	1,066,547	
Tambahan dalam tahun	91,975	238,530	
Pindahan ke Hartanah, Loji dan Peralatan	<u>(330,505)</u>	-	
Baki pada 31 Disember	<u>1,066,547</u>	<u>1,305,077</u>	

11. PELBAGAI BELUM BAYAR DAN AKRUAN

Pelbagai Belum Bayar dan Akruan terdiri daripada:

	2021 RM	2020 RM	Seperti yang dinyatakan semula
Pelbagai Akaun Belum Bayar	4,947,718	1,254,120	
Wang Jaminan Pelaksanaan (5%)	5,445	5,445	
Terimaan Terdahulu	3,190,146	1,256,169	
Cagaran Diterima (Nota i)	10,681,657	10,244,040	
Wang Amanah (Nota ii)	<u>3,632,367</u>	<u>3,750,943</u>	
	<u>22,457,333</u>	<u>16,510,717</u>	

Pelbagai Belum Bayar dan Akruan adalah tidak bercagar, tanpa faedah dan dibayar balik apabila ianya dituntut. Pelbagai Belum Bayar dan Akruan diukur pada amaun yang tidak didiskaunkan kerana kesan pendiskaunan yang tidak material.

(i) Cagaran Diterima

	2021 RM	2020 RM
Baki pada 1 Januari	10,244,040	9,674,888
Diterima dalam tahun	943,774	1,235,017
Dibayar balik dalam tahun	<u>(457,472)</u>	<u>(511,232)</u>
Pelarasian	<u>(48,685)</u>	<u>(154,633)</u>
Baki pada 31 Disember	<u>10,681,657</u>	<u>10,244,040</u>



11. PELBAGAI BELUM BAYAR DAN AKRUAN (*sambungan*)

(i) Cagaran Diterima (sambungan)

Cagaran Diterima merupakan wang yang diterima atau dipegang sebagai cagaran bagi maksud lesen, papan tanda, sewa premis, sisa binaan, selenggara landskap, sewa petak letak kereta dan sebagainya. Bayaran balik akan dibuat apabila ada tuntutan daripada pihak berkenaan.

(ii) Wang Amanah

Wang Amanah diterima daripada pelbagai agensi bagi maksud sesuatu projek atau program. Wang ini digunakan untuk pembayaran kepada pemaju, pembekal dan pihak-pihak berkenaan yang ditentukan. Wang Amanah ini terdiri daripada:

	2021 RM	2020 RM
(a) Amanah Projek	2,716,652	2,778,808
(b) Amanah PPKB	-	13,000
(c) Amanah MPK	14,932	14,932
(d) Sumbangan Tempat Letak Kereta	829,388	921,103
(e) Sumbangan Pembangunan	60,879	23,100
(f) Caj Pemajuan	10,516	-
	<u>3,632,367</u>	<u>3,750,943</u>

(a) Amanah Projek

	2021 RM	2020 RM
Baki pada 1 Januari	2,778,808	4,252,461
Diterima dalam tahun	3,074,594	4,661,047
Dibayar dalam tahun	(3,961,619)	(6,087,335)
Pelarasian	824,869	(47,365)
	<u>2,716,652</u>	<u>2,778,808</u>

(b) Amanah PPKB

	2021 RM	2020 RM
Baki pada 1 Januari	13,000	-
Diterima dalam tahun	-	533,000
Dibayar dalam tahun	(13,000)	(520,000)
Baki pada 31 Disember	<u>-</u>	<u>13,000</u>



11. PELBAGAI BELUM BAYAR DAN AKRUAN (*sambungan*)

(ii) Wang Amanah (*sambungan*)

Amanah PPKB merupakan caruman yang diterima daripada Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan untuk diagihkan kepada penerima caruman di bawah Program Pembasmian Kemiskinan Bandar dan e-Kasih.

(c) Amanah MPK

Amanah MPK merupakan satu tabung yang ditubuhkan bagi merekodkan sumbangan yang diterima oleh Majlis bagi program/maksud tertentu seperti sumbangan kepada Taman Rekreasi dan Zoo Kemaman.

(d) Sumbangan Tempat Letak Kereta

	2021 RM	2020 RM
Baki pada 1 Januari	921,103	1,048,616
Diterima dalam tahun	-	-
Digunakan dalam tahun	<u>(91,715)</u>	<u>(127,513)</u>
 Baki pada 31 Disember	 <u>829,388</u>	 <u>921,103</u>

Sumbangan Tempat Letak Kereta merupakan bayaran yang diterima daripada sesebuah pembangunan projek yang tidak dapat menyediakan tempat letak kereta sebagaimana sepatutnya. Wang Sumbangan ini akan digunakan oleh Majlis bagi menyediakan tempat letak kereta di dalam kawasan Majlis.

(e) Sumbangan Pembangunan

Sumbangan Pembangunan merupakan bayaran yang diterima daripada sesebuah pembangunan projek yang tidak dapat menyediakan kemudahan infrastruktur seperti longkang, jalan dan kemudahan awam lain sebagaimana sepatutnya. Wang Sumbangan ini akan digunakan oleh Majlis bagi menyediakan kemudahan tersebut di dalam kawasan Majlis.

(f) Caj Pemajuan

Caj Pemajuan merupakan kutipan wang berkaitan pemajuan yang diperuntukkan di bawah Subseksyen 32(1), Akta 172. Ia merupakan sumbangan bersama kepada Majlis disebabkan kenaikan nilai tanah, antara pemunya tanah dan orang awam. Ia berkait rapat dengan cadangan guna tanah masa hadapan (zoning), kelas kegunaan dan plot ratio yang dibenarkan. Caj Pemajuan akan direkodkan sebagai wang amanah dan akan digunakan untuk projek pembangunan ruang awam, program dan kajian aspek perancangan bandar dan desa, geran penyelidikan dan sebagainya selaras dengan peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa (Akta 172).



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
PENYATA KEWANGAN 2021

12. PERUNTUKAN MANFAAT KAKITANGAN

	2021 RM	2020 RM	01.01.2020 RM
		Seperti yang dinyatakan semula	Seperti yang dinyatakan semula
Pada 1 Januari	1,004,968	588,565	-
Tambahan dalam tahun	444,753	521,810	588,565
Digunakan dalam tahun	(210,767)	(105,407)	-
Pada 31 Disember	1,238,954	1,004,968	588,565
Matang dalam tempoh 12 bulan	103,696	210,767	105,407
Matang selepas 12 bulan	1,135,258	794,201	483,158
	1,238,954	1,004,968	588,565

13. PINJAMAN KERAJAAN NEGERI

Pinjaman Kerajaan Negeri diperoleh daripada Lembaga Tabung Amanah Warisan Negeri Terengganu bagi membiayai projek berikut:

	2021 RM	2020 RM
(a) Pembinaan 124 lot rumah kedai/pejabat di Bandar Baru Kijal, Paya Lasir	22,914,188	23,012,686
(b) Penebusan gadaijanji tanah No. Lot PT10111, H.S.(M) 10115 dan 88 unit lot di atas bangunan Kemaman Centre Point (KCP Fasa 2)	9,166,664	9,166,664
(c) Pembinaan Pasaraya Giant (Kijal Mall) di Bandar Baru Kijal, Paya Lasir	19,333,332	19,333,332
	51,414,184	51,512,682
Dibayar dalam tempoh 12 Bulan	51,414,184	51,512,682
(a) Pinjaman ini diperoleh pada bulan Julai 2009 dengan kadar faedah 4.0% setahun bagi tempoh pinjaman selama 10 tahun selepas tempoh tangguhan selama 2 tahun. Bayaran balik bermula pada bulan Jun 2011.		



13. PINJAMAN KERAJAAN NEGERI (*sambungan*)

- (b) Pinjaman ini diperoleh pada bulan Ogos 2009 dengan kadar faedah 4.0% setahun bagi tempoh pinjaman selama 3 tahun selepas tempoh tangguhan selama 2 tahun. Bayaran balik bermula pada bulan Ogos 2011.
- (c) Pinjaman ini terdiri dari dua fasa iaitu:
- (i) Fasa 1 Pinjaman sebanyak RM15.0 juta dengan kadar faedah 4.0% setahun bagi tempoh pinjaman selama 3 tahun selepas tempoh tangguhan selama 1 tahun. Bayaran balik bermula pada bulan Oktober 2011.
 - (ii) Fasa 2 Pinjaman tambahan sebanyak RM6.0 juta diperoleh dalam tahun 2011 dengan kadar faedah 4.0% bagi tempoh pinjaman selama 3 tahun. Sehingga kini belum ada perjanjian rasmi ditandatangani bagi pinjaman ini.

14. BANTUAN DARI KERAJAAN (GERAN TERTUNDA)

Jumlah ini merupakan nilai harta tanah, loji dan peralatan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri dan Persekutuan dan telah diambilkira sebagai harta Majlis, sebagaimana berikut:-

	2021 RM	2020 RM	Seperti yang dinyatakan semula
a. Pemberian Kerajaan Negeri	9,925,069	10,859,184	
b. Pemberian Kerajaan Persekutuan	20,088,544	21,238,023	
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>	
	30,013,613	32,097,207	

(a) Pemberian Kerajaan Negeri

Kos	2021 RM	2020 RM	Seperti yang dinyatakan semula
Pada 1 Januari	28,447,588	28,219,192	
Tambahan	-	959,615	
Pelupusan	-	(731,219)	
Pada 31 Disember	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>	
	28,447,588	28,447,588	



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
PENYATA KEWANGAN 2021

14. BANTUAN DARI KERAJAAN (GERAN TERTUNDA) (*sambungan*)

(a) Pemberian Kerajaan Negeri (*sambungan*)

	2021 RM	2020 RM	Seperti yang dinyatakan semula
Pelunasan			
Pada 1 Januari	17,588,404	16,901,440	
Tambahan	934,115	1,418,178	
Kurangan	-	(731,214)	
Pada 31 Disember	<u>18,522,519</u>	<u>17,588,404</u>	
Nilai Dibawa Bersih	<u>9,925,069</u>	<u>10,859,184</u>	

(b) Pemberian Kerajaan Persekutuan

	2021 RM	2020 RM	Seperti yang dinyatakan semula
Kos			
Pada 1 Januari	24,471,803	22,293,926	
Tambahan	-	2,177,878	
Pelupusan	-	(1)	
Pada 31 Disember	<u>24,471,803</u>	<u>24,471,803</u>	
Pelunasan			
Pada 1 Januari	3,233,780	1,975,406	
Tambahan	1,149,479	1,258,374	
Pada 31 Disember	<u>4,383,259</u>	<u>3,233,780</u>	
Nilai Dibawa Bersih	<u>20,088,544</u>	<u>21,238,023</u>	



15. KUMPULAN WANG PINJAMAN

Kumpulan Wang Pinjaman terdiri daripada:

	2021 RM	2020 RM	Seperti yang dinyatakan semula
a. Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	1,900,000	1,900,000	
b. Kumpulan Wang Pinjaman Komputer	150,000	150,000	
c. Kumpulan Wang Pendahuluan Diri dan Pelbagai	150,000	150,000	
	<u>2,200,000</u>	<u>2,200,000</u>	

(a) Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan

	2021 RM	2020 RM
Kumpulan Wang digunakan:		
Baki pada 1 Januari	1,788,459	1,806,743
Dikeluarkan dalam tahun	414,110	378,700
Dibayar balik dalam tahun	(454,016)	(396,984)
Baki pada 31 Disember (Nota 5)	<u>1,748,553</u>	<u>1,788,459</u>
Kumpulan Wang belum digunakan	151,447	111,541
	<u>1,900,000</u>	<u>1,900,000</u>

(b) Kumpulan Wang Pinjaman Komputer

	2021 RM	2020 RM
Kumpulan Wang digunakan:		
Baki pada 1 Januari	55,510	43,346
Dikeluarkan dalam tahun	53,800	41,368
Dibayar balik dalam tahun	(49,128)	(29,204)
Baki pada 31 Disember (Nota 5)	<u>60,182</u>	<u>55,510</u>
Kumpulan Wang belum digunakan	89,818	94,490
	<u>150,000</u>	<u>150,000</u>



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
PENYATA KEWANGAN 2021

(c) Kumpulan Wang Pendahuluan Diri dan Pelbagai

	2021 RM	2020 RM
Kumpulan Wang digunakan:		
Baki pada 1 Januari	-	62,429
Dikeluarkan dalam tahun	-	-
Dibayar balik dalam tahun	-	(62,429)
Baki pada 31 Disember (Nota 5)	-	-
Kumpulan Wang belum digunakan	<u>150,000</u>	<u>150,000</u>
	<u>150,000</u>	<u>150,000</u>

16. URUSNIAGA BUKAN PERTUKARAN

Urusniaga Bukan Pertukaran terdiri daripada:

	2021 RM	2020 RM	Seperti yang dinyatakan semula
Cukai taksiran	58,569,538	61,600,779	
Sumbangan kerajaan dan agensi	3,394,798	3,457,075	
Lesen dan permit	3,335,949	2,474,757	
Notis dan denda	1,719,238	1,039,599	
Sumbangan membantu kadar	452,474	434,298	
Terimaan lain	<u>53,699</u>	<u>2,298,398</u>	
	<u>67,525,696</u>	<u>71,304,906</u>	

17. URUSNIAGA PERTUKARAN

Urusniaga Pertukaran terdiri daripada:

	2021 RM	2020 RM	Seperti yang dinyatakan semula
Perolehan dari pelaburan usahasama	36,821,300	-	
Perkhidmatan dan bayaran perkhidmatan	2,235,016	2,760,452	
Sewaan	3,653,919	4,244,174	
Faedah	485,942	276,160	
Perolehan dari jualan barang	<u>248,575</u>	<u>176,833</u>	
	<u>43,444,752</u>	<u>7,457,619</u>	



18. PERJALANAN DAN PENGANGKUTAN ORANG

	2021 RM	2020 RM
Makanan dan minuman	37,676	27,808
Penginapan	171,176	174,517
Elaun perjalanan dan bayaran tambang	267,619	282,611
Bayaran lain	22,075	19,109
	498,546	504,045

19. PERHUBUNGAN DAN UTILITI

	2021 RM	2020 RM
Pos	46,959	47,965
Telefon	347,704	335,814
Elektrik	1,746,786	2,203,428
Air	437,966	443,151
Pembentungan	360	43,487
	2,579,775	3,073,845

20. SEWAAN

	2021 RM	2020 RM
Sewaan peralatan elektronik	190,600	193,120
Sewaan mesin fotostat	96,021	84,704
	286,621	277,824

21. BEKALAN BAHAN-BAHAN

	2021 RM	2020 RM
Petroleum dan bahan pembakar	260,547	249,036
Tiub dan tayar	160,552	245,652
Kimia dan bahan kimia	4,920	3,250
Baja	3,991	4,000
Racun	2,532	1,623
Bekalan pejabat	297,510	242,714
Bekalan am	330,990	413,994
Bekalan pakaian seragam	172,653	94,610
	1,233,695	1,254,879

--



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
PENYATA KEWANGAN 2021

22. PENYELENGGARAAN DAN PEMBAIKIAN

	2021	2020
	RM	RM
Penyelenggaraan bangunan	774,941	1,243,933
Penyelenggaraan elektrikal & mekanikal	1,028,366	670,625
Kemudahan tempat pelupusan sampah	707,364	696,472
Kemudahan tempat semaihan	-	19,477
Kenderaan penumpang	318,976	299,655
Kenderaan pengangkutan barang	399,896	764,036
Jentera	133,983	149,976
Alat kelengkapan pejabat	10,795	11,417
Penyelenggaraan tempat letak kereta	22,480	32,614
Penyelenggaraan zoo	2,339,202	2,052,871
Alat kelengkapan lain	4,775	3,324
	<hr/>	<hr/>
	5,740,778	5,944,400
	<hr/>	<hr/>

23. PERKHIDMATAN IKHTIASAS DAN HOSPITALITI

	2021	2020
	RM	RM
Perkhidmatan yang dibeli (nota a)	30,402,585	29,503,470
Bayaran kepada pekerja kontrak dan sementara	4,041,435	4,135,226
Keraian, Hospitaliti Dan Honorarium	345,449	380,942
Perkhidmatan percetakan dan menjilid	120,338	149,016
	<hr/>	<hr/>
	34,909,807	34,168,654
	<hr/>	<hr/>

(a) Perkhidmatan yang dibeli terdiri daripada:

Perkhidmatan pembersihan kawasan	20,680,921	20,853,931
Penyelenggaraan landskap	2,390,178	2,170,049
Perkhidmatan kawalan keselamatan	2,340,115	2,205,225
Perkhidmatan pembersihan bangunan	1,782,769	1,743,987
Perkhidmatan pengurusan bangunan	1,300,000	1,100,000
Perkhidmatan doktor panel	838,641	751,261
Lain-lain perkhidmatan	901,841	471,999
Latihan kakitangan (kursus, seminar)	83,039	90,184
Kajian perancangan	36,791	32,732
Perkhidmatan pengiklan	9,985	30,000
Perkhidmatan penilaian	23,999	19,923
Perkhidmatan perakaunan dan audit	14,306	14,307
Perkhidmatan jurukur tanah & konsultan	-	19,872
	<hr/>	<hr/>
	30,402,585	29,503,470
	<hr/>	<hr/>



24. KEMUDAHAN DAN PEMBANGUNAN KEMUDAHAN

	2021 RM	2020 RM
Kemudahan tong sampah	48,000	39,928
Kemudahan lain	59,607	58,280
	<u>107,607</u>	<u>98,208</u>

25. KEMPEN DAN BELANJA KAKITANGAN

	2021 RM	2020 RM
Caruman Kelab Sukan	200,000	200,000
Program, Kempen dan Sambutan	109,929	141,799
Pemberian khas	38,000	56,604
Lawatan sambil belajar	28,760	23,182
Subsidi yuran pengasuhan (taska)	29,520	29,070
Tadika dan Taska MPK	7,802	9,241
	<u>414,011</u>	<u>459,896</u>

26. SUMBANGAN, CUKAI DAN INSURAN

	2021 RM	2020 RM
Cukai termasuk cukai tanah dan duti setem	411,891	408,587
Insurans kenderaan dan pekerja	253,352	236,829
Insurans bangunan	-	397,400
Sumbangan kepada agensi luar	21,590	9,000
Pulangbalik	4,941	10,327
	<u>691,774</u>	<u>1,062,143</u>

27. PERBELANJAAN PEMBANGUNAN DAN INFRASTRUKTUR

	2021 RM	2020 RM
Jalan	225,248	89,697
Pencahayaan	401,200	528,380
Landskap	472,730	233,587
Saliran	532,837	384,214
	<u>1,632,015</u>	<u>1,235,878</u>



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN
PENYATA KEWANGAN 2021

28. SUSUTNILAI

	2021 RM	2020 RM
Hartanah, loji dan peralatan	4,590,394	5,331,579
Hartanah pelaburan	7,118,583	5,364,234
Aset tak ketara	201,937	350,337
	11,910,914	11,046,150

29. HAPUSKIRA

Hapuskira dalam tahun lepas merupakan hapuskira bagi sebahagian hasil sewa premis milik Majlis sebagaimana arahan pengecualian 3 bulan bayaran sewa disebabkan pandemik Covid-19 oleh Kerajaan Negeri.

30. PELARASAN

	2021 RM	2020 RM
Terkurang rekod hasil sewa bagi tahun lepas	-	1,330,200
Terkurang rekod pelunasan bangunan pemberian kerajaan negeri bagi tahun-tahun lepas	-	120,367
Terkurang rekod pelunasan bangunan pemberian kerajaan persekutuan bagi tahun lepas	-	108,894
Terkurang rekod susutnilai bangunan pemberian kerajaan negeri bagi tahun-tahun lepas	-	(120,367)
Terkurang rekod susutnilai bangunan pemberian kerajaan persekutuan bagi tahun lepas	-	(108,894)
Terkurang rekod cukai barang dan perkhidmatan bagi tahun lepas	-	(682,439)
Pelarasan perbelanjaan lain	-	(2,619)
Terlebih rekod susutnilai kenderaan bagi tahun-tahun lepas	59,036	-
	59,036	645,142



31. KAKITANGAN PENTING PIHAK PENGURUSAN

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti Majlis sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan penting terdiri dari Ahli Majlis-Ahli Majlis sahaja di mana pembayaran yang dibuat kepada mereka adalah seperti berikut:

	2021	2020
Jumlah kakitangan penting pihak pengurusan	<u>24</u>	<u>24</u>
	2021	2020
	RM	RM
Jumlah emolumen	<u>293,300</u>	<u>249,700</u>



MAJLIS PERBANDARAN KEMAMAN,
Jalan Air Putih,
24000, Kemaman,
Terengganu, Malaysia

